

KHUTBAH JUMAAT

“MERAIH GANJARAN YANG LEBIH BAIK DI AKHIRAT”

(26 Jun 2026M/ 10 Muharam 1448H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا، وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْ لَا أَنْ
هَدَانَا اللَّهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* menjadikan kita dalam kalangan hamba-Nya yang sabar dan kuat dalam menahan diri, serta istiqamah dalam memilih jalan yang diredai-Nya. Pada hari ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk: “***Meraih Ganjaran Yang Lebih Baik Di Akhirat***”

Kaum muslimin yang berbahagia,

Marilah kita menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-A'la, ayat 16-17:

بَلْ تُؤْثِرُونَ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا (١٦) وَالْآخِرَةَ خَيْرٌ وَأَبْقَى (١٧)

Maksudnya: *(Tetapi kebanyakan kamu tidak melakukan yang demikian), bahkan kamu utamakan kehidupan dunia; Padahal kehidupan akhirat lebih baik dan lebih kekal.*

Imam Ibnu Jarir at-Tabari *rahimahullah* menjelaskan bahawa kehidupan akhirat lebih baik dan lebih kekal kerana kehidupan dunia ada pengakhirannya, manakala kehidupan akhirat adalah selamanya, tidak akan habis dan berakhir.

Ayat tadi menunjukkan lumrah manusia yang lebih mudah terpesona dengan kehidupan dunia yang bersifat sementara, sedangkan Allah *subhanahu wata'ala* telah menegaskan bahawa kehidupan akhirat adalah lebih baik.

Apabila kita meneliti ayat tadi dengan lebih mendalam, maka kita akan tertanya-tanya sebab yang mendorong manusia lebih suka mengutamakan kesenangan dan keseronokan dunia, walaupun dia percaya dengan kehidupan selepas kematian.

Bagi menjawab persoalan ini, Imam al-Qurtubi *rahimahullah* menukilkan penverahan daripada Saidina Abdullah bin Mas'ud *radiallahu anhu* :

"Kerana dunia ini hadir (berada di depan mata) disegerakan segala kebajikannya, makanannya, minumannya, kelazatannya, serta keindahannya untuk kita. Manakala akhirat pula disembunyikan (ghaib) daripada kita, lalu kita pun mengambil perkara yang segera (dunia) dan meninggalkan perkara yang tertangguh (akhirat)."

Seterusnya, kita mungkin akan tertanya-tanya sebab dan hikmah Allah *subhanahu wata'ala* memberikan kita nikmat kehidupan dunia, dan kemudian ditegaskan pula bahawa akhirat itu adalah lebih baik.

Sheikh Muhammad Sayyid Tantawi *rahimahullah* menjelaskan dalam kitab tafsirnya *at-Tafsir al-Wasit li al-Quran al-karim* menjelaskan bahawa :

"Ayat ini ditujukan kepada seluruh manusia, yang mana golongan kafir termasuk di dalamnya secara utama (paling awal). Berdasarkan hal ini, yang dimaksudkan dengan 'mengutamakan kehidupan dunia' bagi orang-orang beriman pula adalah sesuatu yang tidak terlepas daripada kebiasaan kebanyakan manusia; iaitu kesibukan mereka pada kebanyakan waktu dengan urusan manfaat dunia, serta kecuaihan (kekurangan) mereka dalam perkara yang berkaitan dengan akhirat mereka."

Tegasnya, kehidupan dunia dibentangkan kepada kita sebagai medan ujian, untuk melihat sama ada kita dapat menguruskannya dengan penuh kesedaran. Atau sebaliknya menjerumuskan kita ke lembah kealpaan dan kezaliman, kepada diri sendiri atau orang lain.

Seterusnya, mungkin akan timbul juga di benak fikiran kita persoalan adakah ayat ini menyuruh kita menolak urusan dunia serta-merta, lalu memberi sepenuh perhatian kepada kehidupan akhirat semata-mata?

Jawapannya, sudah tentu tidak. Imam al-Qurtubi *rahimahullah* memberikan pencerahan kepada kita dengan kata-katanya:

"Bahkan kamu—wahai umat Islam—lebih mengutamakan usaha memperbanyakkan urusan dunia, demi memperbanyakkan lagi pahala (di akhirat)."

Dalam erti kata lain, umat Islam yang sedar dan faham akan tanggungjawabnya sebagai hamba Allah *subhanahu wata'ala* dan khalifah di muka bumi akan berusaha bersungguh-sungguh untuk melaksanakan urusan pekerjaan dunia mereka bagi mengimarahkan bumi. Mereka amat memahami bahawa segala usaha mereka itu bukan sahaja untuk kebaikan dunia, malah menjadi ibadah yang mendatangkan pahala bagi mereka untuk kehidupan akhirat. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Qasas, ayat 77:

وَابْتَغِ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ ۖ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا ۗ ...

Maksudnya: *Dan tuntutanlah (dengan harta kekayaan) yang telah dikurniakan Allah kepadamu (akan pahala) dan kebahagiaan hari akhirat, dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia ...*

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Kini, kita dapat memahami sesuatu yang lebih halus daripada sekadar perbandingan kehidupan dunia dan akhirat. Memang benar, bahawa manusia secara umumnya sering memilih kesenangan yang dapat dinikmati dengan segera, sedangkan ada ganjaran lebih besar yang tertangguh, menanti mereka yang sabar dan reda dengan ketentuan Allah *subhanahu wata'ala*.

Hakikatnya, syariat Islam melatih diri kita mengenal pasti dan mengutamakan ganjaran yang lebih besar di sisi Allah *subhanahu wata'ala*. Contohnya, mengapakah Islam mengajar kita menundukkan pandangan, walaupun nafsu sering menjurus kepada keseronokan yang lebih segera? Mengapa Islam mendidik kita menjauhi sumber rezeki yang tidak halal, seperti hasil perjudian atau perniagaan barangan haram dan memudaratkan, walaupun ia tampak lebih mudah dan cepat mendatangkan keuntungan? Mengapa Islam menganjurkan kesabaran dan kemaafan apabila marah, sedangkan lebih mudah untuk menghamburkan perasaan yang menyesak jiwa?

Dalam setiap keadaan ini, kita sedang dilatih mengorbankan keinginan yang segera, sekaligus memilih ganjaran yang lebih besar dan utama.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mengorbankan keinginan dan keuntungan yang segera bagi memperolehi ganjaran dan kebaikan yang lebih besar dan utama adalah perkara yang sebenarnya dekat dengan kehidupan kita semua. Malah, kita menghadapinya setiap hari. Bak kata peribahasa:

*"Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian,
Bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian".*

Dalam dunia hari ini, kita sering berdepan dengan pilihan: antara keseronokan segera dan ganjaran yang lebih berkekalan. Kita menghadapinya dalam cara kita menggunakan masa, dalam cara

kita membelanjakan harta dan dalam cara kita mengurus perhatian serta emosi kita. Contohnya, ketika waktu lapang, adakah kita memilih untuk menggunakannya dengan perkara yang memberi manfaat jangka panjang, atau sekadar mengejar hiburan dan kepuasan seketika? Apabila hubungan diuji ketegangan, adakah kita memilih untuk bertenang dan mencari kesefahaman, atau mengambil tindakan segera yang mungkin meninggalkan kesan buruk pada masa akan datang?

Inilah realiti dalam kehidupan kita hari ini. Maka, kesediaan untuk berkorban bagi memperolehi kebaikan yang lebih baik dan utama seharusnya membentuk interaksi kita dalam rumah tangga, dalam kerjaya, di sekolah, malah dengan telefon bijak di tangan kita, serta dalam setiap keputusan kecil yang kita ambil setiap hari.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Dunia dan akhirat bukanlah dua jalan yang terpisah. Kita tidak diminta untuk memilih antara dunia atau akhirat. Bahkan, setiap usaha kita di dunia, seperti menjaga keluarga, mencari rezeki yang halal, menuntut ilmu, menahan diri daripada maksiat, semuanya boleh menjadi jalan yang menghubungkan dunia dan akhirat sekiranya dilakukan dengan niat mengharap keredaan Allah *subhanahu wata'ala*.

Semoga Allah *subhanahu wata'ala* mengurniakan kita hati yang mampu menilai dengan neraca akhirat, tanpa mengabaikan peranan serta tanggungjawab di dunia. Semoga Allah *subhanahu wata'ala*

menjadikan kita daripada kalangan hamba-hamba-Nya yang sabar dan kuat dalam menahan diri, serta istiqamah dalam memilih jalan yang diredai-Nya. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Di penghujung khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran penting:

Pertama: Kebiasaan manusia mudah terpesona dengan kehidupan dunia yang bersifat sementara, sedangkan Allah *subhanahu wata'ala* telah menegaskan bahawa kehidupan akhirat adalah lebih baik.

Kedua: Islam melatih diri kita mengenal pasti dan mengutamakan ganjaran yang lebih besar di sisi Allah *subhanahu wata'ala*.

Ketiga: setiap usaha kita di dunia boleh menjadi ibadah jika dilakukan dengan niat mengharapkan keredaan Allah *subhanahu wata'ala*.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah at-Taubah, ayat 105 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ.
وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَى
عَلَمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ (١٠٥)

Maksudnya: *Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan Rasul-Nya serta orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan".*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Teruslah istiqamah menghidupkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu. Teguhkanlah perpaduan dengan sikap hormat-menghormati dan saling bekerjasama sesama masyarakat. Carilah rezeki yang halal lagi baik, agar hidup kita diberkati dan dirahmati. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

((أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا ...))

Maksudnya: *Wahai manusia! Sesungguhnya Allah itu Maha Baik, dan Dia tidak menerima melainkan yang baik ...*

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Selamatkanlah diri dan keluarga kita daripada penyalahgunaan dadah, bahan inhalan dan ketum, perjudian serta segala bentuk maksiat. Semua ini hanya membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan kita dan umat.

Perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad sallallahu alaihi wasallam); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.*

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، فِي الْعَالَمِيْنَ، اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ.

وَارْضَ اللّٰهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِيْنَ الْمُهَدِّيْنَ، سَادَاتِنَا اَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِ التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْاَمْوَاتِ. اِنَّكَ سَمِيْعٌ قَرِيْبٌ مُّجِيْبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, Bantulah saudara-saudara kami yang memerlukan bantuan di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Gaza dan Asia Barat. Kurniakanlah mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih.

Ampunilah segala dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkanilah ilmu dan kemahiran yang bermanfaat kepada mereka, suburkanlah peribadi mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji. Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

Ya Allah, berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada para pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan umat yang terbilang dalam semua bidang yang kami ceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu. Kekalkanlah kesatuan kami dalam akidah, ibadah dan akhlak atas pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Limpahkanlah

nikmat keselamatan, kesehatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala musibah, wabak dan bala yang tidak diingini.

رَبَّنَا أُنِثْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يُأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.